

Penerima Anugerah Gemilang Mendaki giat jadi relawan keluarga banduan

► **SHAHIDA SARHID**
sshahida@sph.com.sg

PENGALAMAN mengetahui orang yang terdekat dengan dirinya dimasukkan ke penjara sebelum ini telah membulatkan semangat Encik Muhammad Ismail Shogo Sahul Hamid, menjadi sukarelawan pendamping dengan Pusat Khidmat Penjagaan Berterusan bagi Pesalah dan Keluarga (Fitrah).

Siswazah Sarjana Kelas Pertama dalam Sains Politik dari Universiti Nasional Singapura (NUS) itu telah giat menjalankan lawatan dari rumah ke rumah, meninjau keperluan banduan dan bekerjasama dengan individu yang dimasukkan ke penjara.

Encik Ismail, 26 tahun, yang kini bekerja sebagai penolong pengkaji di NUS merupakan seorang daripada lima penerima anugerah khas semasa Anugerah Mendaki, semalam.

Dalam majlis, yang buat pertama kali diadakan di alam maya, lebih 500 pelajar dan belia diiktiraf kerana mencatat prestasi cemerlang dalam bidang akademik atau bukan akademik.

Sumbangan Encik Ismail kepada masyarakat diiktiraf apabila beliau menerima Anugerah Gemilang Mendaki kerana menonjolkan tiga C – iaitu Karakter, Keupayaan dan Kewarganegaraan.

Bekas pelajar Maktab Rendah Yishun itu berkata, beliau telah menjalani latihan menyeluruh dengan Fitrah sebelum ini bagi mengetahui cara terbaik menjadi pendamping program itu.

“Saya terkesan dengan stigma yang mungkin dihadapi oleh bekas banduan ini.

“Kita sebagai masyarakat perlu bersatu padu dan memahami situasi mereka. Untuk menjadi masyarakat inklusif, kita perlu memberikan peluang kedua kepada golongan ini terutama dalam aspek pekerjaan,” ujarnya yang ingin terus mengejar cita-citanya meraih Sarjana dan Doktor Falsafah.

Beliau yang juga sedang menjalani program pelatih sebagai penolong pengkaji berkata, program itu sekurang-kurangnya membuka peluang untuknya mempelajari kemahiran baru berkaitan tugas yang diminatinya itu.

“Saya telah menghantar sekitar 30 resume sejauh ini sejak tamat pengajian pada Januari lalu. Saya sebenarnya berminat menjadi pengkaji tetapi dalam aspek membantu mereka yang pernah menjadi banduan



TABUR BAKTI: Encik Muhammad Ismail Shogo Sahul Hamid, menjadi sukarelawan pendamping dengan Pusat Khidmat Penjagaan Berterusan bagi Pesalah dan Keluarga (Fitrah) setelah mendapat tahu orang yang dekat dengan dirinya dimasukkan ke penjara. – Foto BM oleh NUR DIYANA TAHA

sebelum ini namun tiada peluang sejauh ini.

“Saya berharap program pelatih ini akan memberi saya latihan asas dalam bidang penyelidikan ini,” katanya.

Dalam ucapannya, Menteri Pembangunan Sosial dan Keluarga, merangkap Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Encik Masagos Zulkifli Masagos Mohamad menggesa siswazah yang baru tamat pengajian agar merebut peluang yang disediakan program pelatih SGUnited terutama dalam ekonomi tidak menentu kini.

“Sebagai sebuah masyarakat yang berdaya tahan, saya menggalak anda agar bersikap terbuka dan memanfaatkan peluang yang ada seperti Program Pelatih SGUnited, untuk meraih pengalaman, meningkatkan kemahiran, membina rangkaian dan portfolio.

“Pengalaman dan rangkaian berharga ini akan mempersiapkan anda bagi peluang masa depan,” kata beliau yang juga pengerusi Yayasan Mendaki.

Sementara itu, dalam majlis itu juga, lagu rasmi Raikan Ilmu turut dilancarkan, sekali gus melancar-

kan kempen Raikan Ilmu 2020, yang mengajak masyarakat mendakapi pembelajaran sepanjang hayat sebagai satu budaya.

Lagu *Sama Raikan* itu digubah Riduan Zalani, dengan lirik lagu ditulis Cik Hartinah Ahmad selain berkolaborasi dengan Nadi Singapura dan penyanyi legenda, Ramli Sarip.